PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR**
KAWASAN	:	**POKOK SENA**
TARIKH	:	**5 APRIL 2018**
NO. SOALAN	:	**37**

SOALAN

YB Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:

a) apakah Kerajaan akan menandatangani Perjanjian Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTTP) yang menggantikan TPPA; dan

b) sejauh mana penelitian Kerajaan terhadap butiran perjanjian CPTTP yang sudah disetujui dan bilakan akan dibentang di Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Februari 2018 telah bersetuju supaya Malaysia menandatangani Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (*Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* - CPTPP). bersama 10 negara-negara CPTPP yang lain, iaitu Australia, Brunei,

Kanada, Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura dan Viet Nam pada 8 Mac 2018 di Santiago, Chile.

2. Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah diberi mandat untuk mewakili YB Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menandatangani Perjanjian CPTPP.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Untuk makluman, Perjanjian CPTPP tidak perlu dibentang semula kepada Dewan ini kerana ia telahpun diluluskan oleh Jemaah Menteri dan bukanlah satu perjanjian yang baharu. Sebahagian besar kandungan perjanjian tersebut adalah sama dengan teks Perjanjian TPP yang telah ditandatangani sebelum ini pada 4 Februari 2016, kecuali 22 peruntukan yang telah digantung bagi mengimbangi kesan penarikan diri Amerika Syarikat daripada Perjanjian TPP. Penggantungan peruntukan-peruntukan ini telah dibincang dan dipersetujui secara konsensus oleh kesemua negara ahli CPTPP. Yang penting, semua komitmen akses pasaran TPP seperti mana yang pernah dibentangkan oleh Kementerian ini dalam Dewan yang mulia ini, kekal dalam CPTPP. Sehubungan itu, tidak timbul keperluan untuk CPTPP dibentangkan semula di Parlimen.

4. Selain daripada penggantungan (*suspension*) ini, syarat untuk menguatkuasakan CPTPP juga telah dipinda. Di bawah Artikel 3 *Entry into Force*, Perjanjian CPTPP hanya akan berkuat kuasa apabila sekurang-kurangnya enam (6) buah negara atau 50% daripada negara

asal yang menandatangani, telah berjaya meratifikasi Perjanjian CPTPP.

5. Justeru itu, setiap negara ahli termasuk Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk melengkapkan proses domestik masing-masing seterusnya meratifikasikan perjanjian ini, sekiranya ingin meraih manfaat penuh dari pelaksanaannya. Bagi memenuhi obligasinya di bawah perjanjian CPTPP, Malaysia perlu meminda sebanyak 17 lagi undang-undang dan peraturan yang berkaitan sebelum CPTPP dapat berkuatkuasa. Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 telah selesai dibentang dan diluluskan oleh Parlimen pada 14 Ogos 2017 manakala Akta SPRM 2009 telah sedia untuk dibentangkan di Parlimen.

6. Semua pindaan yang telah dikenalpasti perlu disegerakan untuk membolehkan Malaysia melengkapkan proses ratifikasi seterusnya mengambil kesempatan untuk mendapat manfaat sebagai salah sebuah negara terawal yang melaksanakan CPTPP.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Kerajaan telah mempertimbangkan butiran perjanjian CPTPP dengan teliti bagi memastikan kepentingan negara adalah terjamin walaupun tanpa penyertaan Amerika Syarikat, khususnya kerana:

(i) CPTPP merupakan perjanjian perdagangan yang komprehensif dan berstandard tinggi. Bab-bab dalam CPTPP mengandungi isu-isu kepentingan Malaysia seperti eDagang, Industri Kecil dan Sederhana (PKS), Bina Upaya serta Kerjasama dan Pembangunan;

(ii) CPTPP dapat mengembangkan lagi akses pasaran produk-produk tempatan dengan layanan keutamaan *(preferential treatments)* ke negara-negara rakan FTA baharu khususnya Kanada, Mexico dan Peru. Disamping itu, syarikat-syarikat Malaysia termasuk PKS dapat menyertai, dengan izin, *gobal value chain* melalui CPTPP.

(iii) sebagai ahli asal (*pioneer member*) perjanjian ini, Malaysia akan dapat meraih *first mover advantage,* terutama dari aspek fleksibiliti serta perlindungan *(safeguard)* terhadap kepentingan-kepentingan sensitif negara yang telah berjaya dirundingkan di bawah TPP dan masih dikekalkan di bawah CPTPP. Segala kelebihan ini tidak akan terjamin sekiranya Malaysia hanya akan menyertai perjanjian ini pada masa hadapan;

(iv) negara-negara seperti Korea Selatan dan beberapa buah negara ASEAN seperti Thailand dan Indonesia juga telah menyatakan hasrat mereka untuk menyertai perjanjian ini, yang akan memberikan potensi yang lebih besar kepada CPTPP pada masa hadapan; dan

(v) perjanjian ini juga mengandungi bab-bab yang menggalakkan aspek ketelusan, anti rasuah dan tadbir urus yang baik. Malaysia dan negara-negara ahli yang lain boleh bekerjasama dalam bidang-bidang berkaitan, khususnya bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan (*cost of doing business*), dengan izin.

8. Untuk makluman, Kerajaan telah memulakan rundingan awal dengan beberapa pihak ketiga seperti Bank Dunia dan *Price-Waterhouse Coopers* (PWC) untuk melaksanakan kajian analisis kos faedah (CBA) terhadap pelaksanaan CPTPP dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH

TARIKH : 5 APRIL 2018

SOALAN : NO. 38

Tuan Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dapatkah Kementerian mewujudkan sebuah kolej komuniti di Limbang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa komited untuk memperkasakan bidang pendidikan tinggi supaya dapat memanfaatkan semua pihak tanpa mengira latar belakang demografi dan sosiobudaya.

Dalam membuktikan komitmen tersebut, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah membangunkan sebanyak 44 buah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Sarawak sahaja, iaitu 14 buah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) merangkumi satu (1) buah universiti awam (UA), tiga (3) buah kampus cawangan UA, tiga (3) buah politeknik dan tujuh (7) buah kolej komuniti serta 30 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Jumlah ini tidak termasuk dua (2) buah Institut Pendidikan Guru yang telah ditukarfungsi kepada Politeknik di Sarawak iaitu Politeknik Rajang dan Miri.

Buat masa ini, KPT perlu merancang secara lebih terperinci untuk menubuhkan sesebuah IPTA mahupun cawangannya supaya memenuhi keperluan strategik negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.